

07 AUG 1998

MAHATHIR MELAWAT LANGKAWI ESOK

LANGKAWI, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di Langkawi selama dua hari bermula esok untuk meninjau kemajuan projek-projek di pulau lagenda itu.

Sebelum memulakan lawatan itu Dr Mahathir dijangka merasmikan Kongres Insurans Nyawa Sedunia Cina di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat di sini, esok.

Lebih kurang 5,000 perwakilan dari Taiwan, China, Hong Kong, Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia dan Malaysia dijangka menghadiri kongres itu yang akan membincangkan pelbagai topik berhubung insurans nyawa.

Pada Ahad, Dr Mahathir akan melawat beberapa projek di sini, termasuk Galeria Perdana dan Lapangan Sasar Antarabangsa Langkawi (LISRAM), yang akan menjadi tuan rumah acara menembak Sukan Komanwel yang berlangsung dari 11 hingga 21 Sept ini.

Projek-projek lain yang akan dilawati oleh Dr Mahathir ialah pusat pelancongan pertanian, Laman Padi yang bertempat di Pantai Chenang di sini.

Pusat pelancongan pertanian itu terdiri daripada muzium padi, pusat maklumat pelancong, restoren dan tiga unit pavilion dan projek itu diselaraskan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Laman Padi akan memaparkan aktiviti-aktiviti tradisional petani di negara ini.

-- BERNAMA

NH PR